



Unit Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM)

Category : [Unit Kawalan Mutu Air Minuman \(KMAM\)](#)

Published by PKK Beaufort on 03-Jul-2020

Unit KAS Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort

Unit KAS Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort terdiri daripada pecahan 8 unit utama yang mempunyai fungsi dan peranan masing-masing dalam pelaksanaan aktiviti. Objektif utama Unit KAS Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort ialah untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti disebabkan oleh penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit dan keadaan-keadaan yang berkait supaya ianya tidak merupakan masalah kesihatan awam di kawasan operasi Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort (Daerah Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu). Ini boleh dicapai melalui promosi kehidupan sihat, tempat kerja sihat dan selamat, alam sekitar yang bersih, langkah-langkah pencegahan yang sesuai, pengesanan dan rawatan awal, surveilans yang kerap, perkhidmatan pemilihan yang tepat, penyertaan masyarakat secara aktif dan kolaborasi antara sektor kepada pembentukan masyarakat yang sihat dan penyayang.

Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) bertanggungjawab dalam pengawalan mutu air minum yang dibekalkan kepada orang awam yang dibekalkan oleh pihak pembekal air adalah selamat serta mematuhi piawaian air minum kebangsaan. Di samping itu, program ini juga adalah amat berguna sebagai mekanisme yang dapat mengesan kemungkinan berlakunya wabak penyakit bawaan air di peringkat awal. Antara fungsi unit KMAM adalah :-

1. Pengawasan (Monitoring)

Aktiviti persampelan air dijalankan pada setiap minggu dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis kecuali Sebarang pelanggaran akan dimaklumkan dengan segera untuk tindakan pembedulan.

1. Kajian Kebersihan

Aktiviti kajian kebersihan dijalankan terhadap sesuatu sistem bekalan air. Data-data serta semua maklumat yang berkaitan dengan aktiviti akan disimpan dan dianalisis melalui satu sistem komputerisasi iaitu Program WQS (Water Quality Surveillance) bertujuan untuk penyediaan laporan, peningkatan operasi dan pengurusan serta untuk tindakan pembedulan dan pemulihan.

1. Tindakan Pemulihan

Setiap pelanggaran kualiti yang berlaku akan dimaklumkan kepada pihak pengeluar air dan tindakan pembedulan dan pemulihan perlulah dilakukan dengan segera.